

# Mahathir: Jangan jadikan masjid gelanggang perpecahan

19 APR 1982  
**BACHOK,** 19  
April - Perdana  
Menteri, Datuk Sri Dr.  
**Mahathir** Mohamad  
menyeru umat Islam  
supaya menolak go-  
longan yang menjadi-  
kan masjid gelanggang  
perpecahan.

Katanya, masjid dibina  
sebagai tempat umat  
Islam beribadat dan me-  
rapatkan persaudaraan,  
tetapi golongan itu  
menggunakannya pula  
untuk memecahkan per-  
saudaraan.

Beliau memberitahu,  
golongan ini juga enggan  
bersembahyang di  
masjid-masjid yang di-  
bina oleh kerajaan,  
tetapi apabila mereka

pergi ke Kuala Lumpur  
mereka juga bersembah-  
yang di Masjid  
Negara."

Menurutnya, golongan  
ini berbuat demikian  
semata-mata kerana ter-  
lalu berhajat untuk men-  
jadi wakil rakyat.

"Kerana nak sangat  
jadi wakil rakyat, maka  
timbullah macam-  
macam dalam fikiran  
yang tidak ada kena  
mengena dengan nasib  
rakyat, cuma kena men-  
gena dengan orang-orang  
yang nak jadi wakil  
rakyat," tegasnya.

Perdana Menteri beru-  
cap merasmikan pembu-  
kaan masjid di Kampung  
Badak, kira-kira tiga ki-  
lometer dari sini petang

semalam. Beliau yang  
diiringi oleh Menteri Be-  
sar, Datuk Haji Moham-  
ad Yaakob telah diberi  
sambutan meriah oleh  
beribu-ribu penduduk  
Bachok.

## Kesal

Datuk Sri Dr. Maha-  
thir kesal kerana para  
pemimpin golongan ini  
sanggup mengenepikan  
prinsip-prinsip asal per-  
juangan mereka semata-  
mata kerana mahu mere-  
but kedudukan sebagai  
wakil rakyat.

Katanya, golongan ini  
tahu bahawa agama  
Islam menjadi pegangan  
kuat orang-orang Me-  
layu, maka sebab itulah  
mereka memperalatkan

Islam untuk mencapai  
cita-cita menjadi wakil  
rakyat dan membentuk  
kerajaan.

"Orang-orang di Ke-  
lantan sudah dapat meli-  
hat bagaimana orang-  
orang ini yang bercakap  
berapi-rapi berkenaan  
agama Islam, tetapi  
amalannya sama sekali  
tidak secocok dengan  
agama Islam," tegasnya.

Beliau mensifatkan  
perbuatan-perbuatan  
yang dilakukan oleh go-  
longan ini menunjukkan  
mereka tidak takut pada  
Tuhan kerana mereka  
sanggup berbohong diseb-  
babkan kepentingan diri.

Beliau memberitahu  
contoh bagaimana go-  
longan ini enggan ber-

sembahyang di sebuah  
masjid di Trengganu  
dengan alasan masjid itu  
dibina oleh kerajaan.

"Tetapi bila dia mai di  
Kuala Lumpur dia sem-  
bahyang di Masjid Ne-  
gara, siapa dia buat  
Masjid Negara kalau bu-  
kan kerajaan," ujarnya.

Menurut Perdana  
Menteri, orang-orang  
kampung yang menjadi  
ahli golongan ini tidak  
boleh disalahkan kerana  
mereka dikelirukan oleh  
para pemimpin.

"Tetapi yang untung  
ialah pemimpin-  
pemimpin di atas yang  
hendak sangat jadi wakil  
rakyat, dia tak peduli  
Islam hancur," tambah-  
nya.